



فِي حَبَابَةِ سَيِّئَاتِهَا كَرَامَانَ تَرَعْنَكَانُو

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU  
(PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)  
TINGKAT 8, WISMA DARUL IMAN,  
20503 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957  
Faks : 09-6267484  
Emel : hr@terengganu.gov.my

السلام عليكم.

SURAT KITA : SUK.TR.880/197/13 Bhg.3-(84)  
BERTARIKH : 15 Ramadan 1435  
BERSAMAAN : 13 Julai 2014

Semua Ketua Jabatan Negeri Terengganu  
Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri Terengganu  
Semua Ketua Jabatan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu

Tuan,

**PEKELILING PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU  
BIL. 4 TAHUN 2014**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2014  
BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2014**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas dan memaklumkan Pentadbiran Negeri bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2014 berhubung Bantuan Khas Kewangan Tahun 2014.

2. Pekeliling ini dipersetujui diterima pakai diseluruh Jabatan Negeri dan dipanjangkan pemakaiannya kepada semua Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan juga dibayar kepada kakitangan seperti berikut :-

- i) Pegawai dan kakitangan Pentadbiran yang bertugas di Pejabat Perhubungan dan Komunikasi secara sepenuh masa, serta pegawai dan kakitangan komunikasi di Peringkat Parlimen;
- ii) Pegawai khas kepada Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Negeri;
- iii) Pegawai dan kakitangan Pentadbiran yang bertugas di Unit Penyelidikan, Pejabat Menteri Besar secara sepenuh masa;
- iv) Pegawai dan kakitangan Pentadbiran yang bertugas di Pejabat Agensi Pembangunan Masyarakat Negeri (APMT);
- v) Pegawai yang bertugas di Pusat Khidmat Masyarakat secara Ad-Hoc (Pegawai Khas dan Pembantu Tadbir ADUN);

...2/-

“Kesempurnaan Kerja Tanggungjawab Kami”



- vi) Pegawai dan kakitangan Pentadbiran yang bertugas di Pusat Penerangan Pelancongan (TIC) Negeri Terengganu;
- vii) Pegawai dan kakitangan Pentadbiran yang bertugas di Unit Pembangunan Kebudayaan, Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Negeri termasuk yang bertugas di pejabat-pejabat daerah;
- viii) Pegawai dan kakitangan Pentadbiran yang bertugas di SUKTRA, Institut Al-Quran, Pengurusan Kompleks Sukan (contract for service) dan lain-lain agensi di bawah Kerajaan Negeri.

3. Untuk mendapatkan keterangan lanjut berhubung pekeliling berkenaan, sila lawati laman web Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**- MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN -**

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,

  
( **DATUK TENGKU FAROK HUSSIN BIN TG. ABD. JALIL** )  
Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan  
(Pengurusan Sumber Manusia)  
b.p. Setiausaha Kerajaan,  
Terengganu.

**Edaran Dalaman :**

Perpustakaan, Pej. SUK. Trg.  
Semua PKSU (PSM), Pej. SUK. Trg.  
PSU (PSM), Pej. SUK. Trg.  
Semua PPT (PSM), Pej. SUK. Trg.  
Semua KPT (PSM), Pej. SUK. Trg.  
Folder Pekeliling.  
Fail Timbul.